

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

SEKSYEN PENULISAN DAN PENERBITAN

Ahmad Husaini Mohamed

Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Gunaan,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Seksyen Penulisan dan Penerbitan di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan (UiTM CNS) memainkan peranan penting dalam mengukuhkan budaya penulisan dan penerbitan artikel atau bahan ilmiah di kampus. Penulisan dan penerbitan bukan sahaja menjadi medium untuk menyebarkan ilmu pengetahuan, malah merupakan instrumen penting dalam meningkatkan reputasi akademik dan institusi di peringkat nasional dan antarabangsa. Penekanan terhadap penerbitan ilmiah berkualiti tinggi juga seiring dengan misi UiTM untuk menjadi universiti terunggul bertaraf global.

Secara umumnya, Seksyen Penulisan dan Penerbitan berfungsi secara strategik dalam mengurus, menyelaraskan, dan memantau aktiviti penerbitan warga akademik. Antara tanggungjawab utama termasuk menyelaraskan urusan permohonan warga akademik untuk membentangkan kertas kerja penyelidikan berindeks di Mesyuarat Jawatankuasa PPSM, serta memberi khidmat nasihat berkenaan hal-hal berkaitan penulisan dan penerbitan. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab membimbing staf akademik dalam menghasilkan manuskrip berkualiti, menyertai program latihan penulisan, dan membantu dalam proses penerbitan di jurnal berindeks seperti Scopus, Web of Science (WoS), ERA, MyCite, serta penerbitan buku atau artikel ilmiah.

Pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran penulisan dalam kalangan warga akademik, antaranya termasuklah:

- i. Bengkel Penulisan Artikel Jurnal
- ii. Klinik Manuskrip dan Proofreading
- iii. Sesi Bimbingan untuk Penerbitan
- iv. Penerbitan Artikel Jurnal Berimpak Tinggi
- v. Bengkel "Road to Publish"

Sebagai langkah untuk menyokong pembentukan graduan berdaya saing global melalui pendidikan berteraskan ilmu, amal, dan integriti, aktiviti penulisan dan penerbitan memainkan peranan sangat penting. Ia menjadi instrumen utama dalam memperkasa penyebaran ilmu, meningkatkan reputasi akademik, serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Penulisan dan penerbitan ilmiah merupakan salah satu saluran penting untuk membuktikan keunggulan ilmu serta ketulenan penyelidikan yang dijalankan oleh pensyarah dan penyelidik.

Melalui penerbitan jurnal, prosiding, buku akademik, dan artikel popular, warga akademik UiTM berkongsi penemuan baharu, memupuk pemikiran kritikal, dan menyumbang kepada pembentukan dasar serta amalan dalam industri dan masyarakat. Ini selari dengan falsafah UiTM yang mementingkan ilmu yang dapat dimanfaatkan demi kebaikan umat manusia. Dalam dunia pendidikan tinggi yang semakin kompetitif, budaya penulisan dan penerbitan yang mantap menjadi antara elemen utama yang dapat mengukuhkan kedudukan UiTM di mata dunia. Ini membuktikan bahawa UiTM bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pengajaran, tetapi juga sebagai pusat penciptaan ilmu dan inovasi.

Oleh itu, warga akademik UiTM perlu terus diberi sokongan dan galakan untuk menghasilkan lebih banyak karya berkualiti, demi mencapai misi universiti dan menyumbang kepada kejayaan nasional. Seksyen ini juga proaktif dalam menggalakkan penyelidik menerbitkan karya mereka dalam jurnal berindeks Scopus, WoS, dan MyCite, selaras dengan Pelan Strategik UiTM. Walaupun banyak pencapaian telah diperolehi, Seksyen Penulisan dan Penerbitan masih berhadapan dengan beberapa cabaran, antaranya:

- i. Tahap motivasi yang berbeza dalam kalangan staf akademik,
- ii. Keperluan meningkatkan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi,
- iii. Kekangan sumber kewangan untuk menyokong kos penerbitan.

Bagi mengatasi cabaran ini, beberapa perancangan strategik telah dirangka, termasuk:

- i. Meningkatkan bilangan penerbitan Scopus dan WoS,
- ii. Menawarkan lebih banyak insentif dan pengiktirafan kepada penerbitan berimpak tinggi,
- iii. Memperkenalkan sistem pemantauan bersepadu untuk mengesan perkembangan hasil penulisan staf akademik.

Secara keseluruhannya, Seksyen Penulisan dan Penerbitan UiTM Cawangan Negeri Sembilan berperanan besar dalam membentuk ekosistem penyelidikan yang dinamik, berkualiti, dan berintegriti. Melalui strategi berfokus dan sokongan berterusan kepada warga akademik, seksyen ini berupaya merealisasikan hasrat UiTM untuk melahirkan cendekiawan bertaraf antarabangsa yang menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan global.